

ANALISIS PERBANDINGAN DUA RAGAM DIALEK JAKUN DI JOHOR

MOHAMAD ROZI BIN KASIM

*Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

Tarikh Dihantar: 2 Julai 2023 | Tarikh Diterima: 11 Oktober 2023 | Tarikh Terbit: 30 Jun 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v34i1.4809>

Abstrak Kajian ini melibatkan Orang Asli Jakun yang tinggal dinegeri Johor. Objekti kajian ini adalah; (1) menamakan nama bagi dua buah dialek Jakun di Johor, (2) menyenaraikan inventori fonem dialek-dialek Jakun dan (3) menghuraikan persamaan dan perbezaan dialek-dialek Jakun dari sudut kosa kata dan fonologi. Metodologi kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah menganalisis dialek yang diperkenalkan oleh Jean Séguy (1973). Kajian ini menggunakan borang soal selidik dan menemu bual informan Orang Asli Jakun di lapangan. Data kosa kata dialek-dialek Jakun diperoleh dengan menggunakan senarai 684 patah perkataan bahasa Melayu Purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992) yang kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Jakun. Hasil kajian ini telah berjaya menamakan dua buah dialek Johor mengikut kawasan geografi dialek-dialek tersebut, iaitu Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat. Selain itu, hasil kajian ini juga menemui; (1) persamaan dari sudut inventori fonem antara kedua-dua buah dialek Jakun dan (2) persamaan dan perbezaan kedua-dua buah dialek Jakun tersebut dari sudut kosa kata dan fonologi. Justeru, kajian ini berjaya membuktikan bahawa wujud dua buah dialek Jakun mengikut kawasan di negeri Johor. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat membanyakkan lagi kajian-kajian berkaitan dialek dan kajian-kajian berkaitan bahasa-bahasa peribumi pada masa akan datang.

Kata kunci: Orang Asli Jakun, Bahasa Jakun, penamaan dialek, Bahasa Melayu Purba.

Abstract This study involves the Orang Asli Jakun who live in the state of Johor. The objective of this study is to; (1) name the two Jakun dialects in Johor; (2) list the phoneme inventory of the Jakun dialects and (3) describe the similarities and differences of the Jakun dialects from the point of view of vocabulary and phonology. The methodology of this study is to use the

dialect analysis method introduced by Jean Séguy (1973). This study used a questionnaire and interviewed Jakun Indigenous informants in the field. The vocabulary data of the Jakun dialects was obtained by using a list of 684 Proto Malayic words that was constructed by Adelaar (1992) which was then translated into the Jakun language. The results of this study have successfully named two Johor dialects according to the geographical area of the dialects, namely East Johor Jakun Dialect and West Johor Jakun Dialect. In addition, the results of this study also found; (1) similarities from the phoneme inventory point of view between the two Jakun dialects and (2) similarities and differences between the two Jakun dialects from the vocabulary and phonology point of view. Therefore, this study successfully proved that there are two dialects of Jakun according to the area in the state of Johor. In conclusion, this study is expected to increase the number of studies related to dialects and studies related to indigenous languages in the future.

Keywords: Jakun Indigenous People, Jakun language, dialect naming, Proto Malay

PENGENALAN

Kajian yang dilakukan ini akan berfokuskan kepada Orang Asli yang tinggal di Malaysia, iaitu Orang Asli Jakun. Secara umumnya, Orang Asli merupakan penduduk asal Tanah Melayu. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Carey (1976: 5) bahawa Orang Asli terlebih dahulu tinggal di negara ini sebelum ketibaan kaum yang lain seperti Melayu, Cina dan India. Menurut Carey (1976: 6) lagi, Orang Asli ini terbahagi kepada tiga kelompok yang utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Orang Asli Jakun merupakan Orang Asli yang berada dalam kelompok Melayu Proto. Carey (1976: 22) juga pernah mengatakan bahawa kelompok Melayu Proto telah datang ke Malaysia 4000 tahun dahulu, namun disebabkan ketiadanya rekod bertulis, maka kenyataan tersebut mungkin ada kebenarannya atau hanya sekadar spekulasi. Masyarakat Orang Asli Jakun ini kebanyakannya tinggal dinegeri Johor, sempadan Johor-Pahang, dan selatan Pahang.

Dari sudut kawasan petempatan atau perkampungan Orang Asli Jakun ini, mereka tinggal di kawasan yang berhampiran dengan sungai. Hal ini sama seperti yang pernah dinyatakan oleh Maeda (2001) dalam kajiannya tentang masyarakat Orang Asli Jakun di Sungai Endau, Mersing. Menurut Maeda (2001: 13) perkampungan Orang Asli Jakun di Endau terletak di Sungai Endau yang bergabung dengan Sungai Sembrong dan terus mengalir melalui Sungai Kahang, Kluang, Selai, dan Bekok. Sepanjang sungai yang dinyatakan oleh Maeda (2001) itulah terletaknya perkampungan Orang Asli Jakun. Sungai dan masyarakat Orang Asli Jakun tidak dapat dipisahkan kerana sejak zaman dahulu lagi sungai merupakan tempat untuk masyarakat Orang Asli Jakun mencari rezeki dengan menangkap hasil sungai seperti ikan, udang dan sebagainya. Sungai ini bukan sahaja tempat masyarakat Orang Asli Jakun mencari rezeki, malah sejak zaman dahulu lagi sungai ini digunakan sebagai laluan untuk mereka pergi ke sesuatu perkampungan Orang Asli dengan menggunakan bot atau sampan. Namun begitu, disebabkan kemajuan pengangkutan darat seperti motosikal dan kereta, mereka tidak lagi menggunakan sungai untuk pergi ke sesuatu perkampungan. Selain itu, petempatan Orang Asli Jakun ini dari zaman dahulu sehingga kini tidak terlalu banyak beza dari sudut jumlah penduduk dalam sesuatu perkampungan itu. Menurut Carey (1976: 222), sesuatu petempatan Orang Asli Jakun itu biasanya mempunyai 50 hingga 70 orang penduduk sahaja. Jumlah tersebut juga hampir sama pada zaman ini. Di samping itu, jika pada zaman dahulu Orang Asli Jakun ini tinggal tidak tetap dan berpindah-randah, namun pada zaman ini menurut Amran Kasimin (1991: 15) Orang Asli Jakun telah mempunyai petempatan atau perkampungan yang tetap. Mereka sudah mempunyai tanah sendiri dan hal ini mewujudkan perkampungan tetap Orang Asli Jakun.

Apabila mempunyai petempatan yang tetap, masyarakat Orang Asli Jakun ketika ini membina rumah yang mempunyai struktur binaan yang lebih kukuh disebabkan rumah tersebut akan dihuni oleh mereka untuk beberapa generasi. Dari sudut struktur binaan rumah pula, kebanyakan rumah Orang Asli Jakun ketika ini merupakan rumah yang diperbuat daripada batu. Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah membantu masyarakat Orang Asli Jakun dengan membina rumah batu untuk keselesaan mereka. Struktur binaan rumah Orang Asli Jakun

pada zaman ini jauh berbeza dengan struktur binaan rumah pada zaman dahulu seperti yang telah dinyatakan oleh Carey (1976). Carey (1976: 227) menyatakan rumah Orang Asli Jakun pada zaman dahulu dibina sebuah-sebuah mengikut keluarga dan tidak sama seperti rumah panjang. Rumah mereka diperbuat daripada kayu, atap nipah, dan terdapat beberapa batang kayu sepanjang empat hingga enam kaki yang dipacak di bawah rumah untuk dijadikan sebagai asas rumah (Carey 1976: 227). Selain itu, walaupun terdapat banyak perkampungan Orang Asli Jakun di Johor, tetapi setiap perkampungan tersebut hanya mempunyai anggaran 20 hingga 70 buah rumah sahaja bagi setiap satu perkampungan.

Dari sudut latar belakang pendidikan, terdapat masyarakat Orang Asli Jakun yang mempunyai latar belakang pendidikan yang formal dan terdapat juga yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang formal, iaitu tidak pernah bersekolah. Kebanyakan daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang formal mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Boleh dikatakan hampir semua anak Orang Asli Jakun mempunyai pendidikan tahap sekolah rendah disebabkan inisiatif kerajaan membina sekolah rendah di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Sekolah Kebangsaan Sendohok (Kluang), Sekolah Kebangsaan Sayong Pinang (Kota Tinggi) dan banyak lagi. Namun begitu, apabila anak Orang Asli Jakun ini sampai ke peringkat menengah, kebanyakan mereka tidak meneruskan pelajaran dan berhenti sekolah disebabkan beberapa faktor seperti kemiskinan, jarak yang jauh untuk pergi ke sekolah menengah dan kurang kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan yang perlu dikutip di sekolah. Walau bagaimanapun, masih terdapat anak Orang Asli Jakun yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negara, tetapi jumlah mereka sangat sedikit.

Dari sudut pekerjaan, kebanyakan masyarakat Orang Asli Jakun kini bekerja dalam sektor pertanian. Kebanyakan mereka mengusahakan tanah sendiri dengan mengusahakan tanaman kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran. Namun begitu, pekerjaan masyarakat Orang Asli Jakun ini tidak terhenti di situ sahaja. Sebaliknya, sementara menunggu hasil pertanian dari kebun mereka dituai, mereka akan memungut hasil hutan seperti rotan, petai dan banyak lagi. Mereka juga akan memburu di hutan seperti

memburu landak, pelanduk, kancil, babi hutan dan sebagainya. Menurut Maeda (2001: 35), alatan memburu masyarakat Orang Asli Jakun ialah jirat (jerat), pelantik, sumpit, dan lembing. Selain memungut hasil hutan dan memburu di hutan, Orang Asli Jakun juga akan menangkap ikan di sungai dengan menggunakan jaring, lukah dan gombang. Hasil tangkapan ikan tersebut akan dijual di kedai atau dimakan oleh mereka. Kepakaran masyarakat Orang Asli Jakun dalam memungut hasil hutan, memburu dan menangkap ikan sememangnya sangat tinggi kerana mereka sudah didedahkan dengan aktiviti tersebut sejak kecil. Walaupun boleh dikatakan hampir semua masyarakat Orang Asli Jakun menjalankan pekerjaan dalam aktiviti pertanian, memungut hasil hutan, memburu dan menangkap ikan, tetapi masih ada sebilangan kecil generasi muda Orang Asli Jakun yang bekerja dalam sektor swasta dan kerajaan di bandar. Jumlah yang kecil yang bekerja di sektor swasta dan kerajaan disebabkan Orang Asli Jakun lebih selesa bekerja sendiri dan mengusahakan tanah hasil peninggalan nenek moyang mereka.

Dari sudut perkahwinan, pada zaman dahulu, perkahwinan campur antara Orang Asli Jakun dengan kaum lain seperti Melayu atau Cina sangat jarang berlaku. Menurut Carey (1976: 232), sangat sedikit Orang Asli Jakun yang berkahwin dengan orang Melayu dan perkahwinan dengan orang Cina juga sesuatu yang jarang berlaku. Namun begitu, pada zaman ini, perkahwinan campur antara Orang Asli Jakun dengan orang Melayu atau Cina sudah menjadi suatu perkara yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Kebanyakan ibu bapa sudah tidak lagi menghalang keinginan anak mereka untuk berkahwin dengan kaum lain. Hal ini disebabkan mereka mengetahui walaupun anak-anak mereka berkahwin dengan kaum lain, zuriat mereka nanti tetap berstatus Orang Asli seperti yang termaktub dalam Akta Orang Asli 134 (1954).

Dari sudut bahasa, tokoh-tokoh seperti Carey, Skeat & Blagden, Wilkinson dan ramai lagi menyatakan bahawa Orang Asli Jakun kini menuturkan bahasa Melayu sahaja. Namun begitu, kenyataan bahawa Orang Asli Jakun bertutur bahasa Melayu sahaja adalah sesuatu kenyataan yang tidak sesuai dan tidak tepat. Hal ini disebabkan apabila seseorang itu mendengar Orang Asli Jakun bertutur sesama mereka, penutur jati bahasa

Melayu sendiri sukar untuk memahami sepenuhnya pertuturan antara Orang Asli Jakun tersebut. Terdapat perkataan yang berbeza dan paling ketara ialah perbezaan bunyi dengan bunyi bahasa Melayu standard. Sebagai contoh, sekiranya Orang Asli Jakun di Johor sudah tidak menuturkan bahasa mereka apabila berkomunikasi sesama mereka, sudah pastilah bunyi pertuturan mereka akan berbunyi seperti bahasa Melayu dialek Johor-Riau disebabkan faktor kawasan yang didiami oleh mereka, iaitu di Johor. Namun begitu, perkara tersebut tidak berlaku, sebaliknya bunyi pertuturan mereka apabila mereka bertutur sesama sendiri jauh berbeza dengan bunyi dialek Melayu Johor-Riau.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian utama yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah kewujudan dialek-dialek dalam bahasa Jakun. Kebanyakan penutur bahasa Jakun mengetahui bahawa terdapat perbezaan pertuturan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Perbezaan pertuturan inilah yang dikatakan menyebabkan wujudnya dialek-dialek dalam bahasa Jakun. Dialek-dialek Jakun ini wujud mengikut sesuatu kawasan perkampungan Orang Asli Jakun di sesuatu daerah itu. Namun begitu, penutur bahasa Jakun tidak dapat menamakan dialek-dialek yang wujud dalam bahasa ini kerana dialek-dialek tersebut tidak mempunyai nama yang tersendiri. Skeat dan Blagden (1966: 386) pernah melakukan kajian terhadap bahasa Jakun dan mereka hanya menamakan dialek tersebut sebagai bahasa Jakun (1) dan bahasa Jakun (2). Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu yang mempunyai nama dialek seperti dialek Melayu Johor, dialek Melayu Kelantan dan banyak lagi. Tambahan lagi, masyarakat luar seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya tidak mengetahui kewujudan dialek dalam bahasa Jakun dan mereka menganggap bahawa semua Orang Asli Jakun menuturkan sebuah dialek atau bahasa yang sama sahaja. Oleh itu, perkataan-perkataan bagi kedua-dua buah dialek tersebut perlu dikaji dan diuraikan bagi membuktikan wujudnya dua dialek Jakun di negeri Johor. Senarai perkataan inilah yang akan membuktikan sesuatu bahasa itu mempunyai sebuah dialek sahaja atau lebih daripada sebuah dialek. Hal ini menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan bagi membuktikan sama ada bahasa Jakun memiliki dialek-dialeknya yang tersendiri seperti bahasa Melayu ataupun tidak.

Selain itu, bahasa Jakun juga tidak mempunyai sistem tulisan sendiri kerana bahasa Jakun hanya bersifat lisan. Skeat dan Blagden (1966: 379) pernah menyatakan bahawa salah satu masalah utama bahasa-bahasa Orang Asli di Semenanjung Malaysia ini ialah bahasa ini terpecah kepada banyak dialek dan majoritinya tidak bertulis. Hal ini disebabkan pada zaman dahulu, masyarakat Orang Asli tidak mencapai pengetahuan bahasa yang tinggi, terutama dari sudut seni penulisan (Skeat & Blagden, 1966: 379). Oleh itu, sesuatu data bahasa yang disimpan itu perlulah berbentuk tulisan supaya mudah dibukukan untuk tatapan generasi akan datang. Kajian ini berperanan untuk mentranskripsikan bahasa Jakun ini ke dalam bentuk lambang *International Phonetic Alphabet* (IPA). Justifikasi perlunya transkripsi fonetik ini dilakukan berbanding dengan transkrip secara ortografik (sistem tulisan rumi biasa) adalah kerana transkripsi secara fonetik membolehkan data dialek-dialek Jakun itu disebut dengan bunyi yang betul. Hal ini disebabkan kebanyakan huruf yang terdapat dalam sistem tulisan ortografik tidak mempunyai sifat bunyi yang sama seperti dalam bahasa lisan.

Seterusnya, permasalahan yang boleh dikenal pasti dalam kajian ini ialah isu berkaitan bahasa Jakun dianggap sebagai bahasa yang meminjam hampir semua kosa kata bahasa Melayu. Kebanyakan tokoh linguistik seperti Carey (1976), Skeat & Blagden (1966) dan ramai lagi menganggap masyarakat Orang Asli Jakun ini telah banyak meminjam kosa kata bahasa Melayu. Isu peminjaman bahasa ini mungkin boleh diubah dengan kenyataan bahawa bahasa Jakun dan bahasa Melayu ini berkongsi cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba (*Proto Malayic*). Hal ini boleh dibuktikan melalui rekonstruksi fonologi berdasarkan bahasa Melayu purba. Apabila proses rekonstruksi fonologi ini dilakukan, kajian ini akan melihat ciri-ciri yang dikongsi bersama antara bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba, di samping dapat melihat sifat retensi (pengekalan) atau perubahan yang berlaku dalam bahasa Jakun. Hasilnya, kajian ini bukan sahaja dapat menghuraikan fonologi dialek-dialek Jakun, malah dapat melihat perhubungan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang telah dikenal pasti dalam kajian ini, kajian ini seterusnya meletakkan beberapa objektif yang akan cuba dicapai bagi merungkaikan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti sebelum ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah (1) menamakan nama bagi dua buah dialek Jakun di Johor, (2) menyenaraikan inventori fonem dialek-dialek Jakun dan (3) menghuraikan persamaan dan perbezaan dialek-dialek Jakun dari sudut kosa kata dan fonologi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah menganalisis dialek yang diperkenalkan oleh Jean Séguy (1973) dalam menganalisis data yang dikutip di lapangan. Menurut Séguy (1973: 76), langkah pertama yang perlu dilakukan adalah menyediakan borang soal selidik bagi mendapatkan data persamaan dan perbezaan perkataan bagi sesuatu dialek mengikut kawasan itu. Berikut merupakan contoh borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1 Contoh borang soal selidik yang digunakan semasa mengutip data di lapangan

Soalan	Jawapan informan
1. Apakah tahap pendidikan anda?	
2. Apakah pekerjaan anda?	
3. Di manakah tempat tinggal anda? Berapa lamakah anda tinggal di tempat tersebut?	
Izinkan saya meneruskan sesi temu bual ini dengan bertanyakan soalan berkaitan perkataan dalam bahasa Jakun. Anda perlu menyebut perkataan tersebut dengan jelas. 4. Anda faham perkataan ‘sedih’? Sila sebutkan perkataan dalam bahasa Jakun yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan ‘sedih’ Nota: Ini hanya sampel soalan.	
Sebelum kita menamatkan sesi temu bual ini, anda boleh menyatakan perkataan-perkataan dalam bahasa Jakun yang tidak disebut dalam sesi temu bual sebentar tadi?	

Selain borang soal selidik, Séguy (1973: 76) juga mengatakan bahawa seseorang pengkaji itu perlu bertanya secara langsung iaitu lisan kepada

informan yang terlibat supaya data yang diperoleh itu lebih jelas terutama dari sudut bunyi. Aspek-aspek seperti kesabaran juga perlu dititikberatkan terutama semasa menemu bual informan warga emas kerana seseorang pengkaji itu perlu membimbing mereka dan membantu ingatan mereka semasa memberikan input-input penting berkaitan bahasa yang dikaji. Seterusnya, pengkaji perlu menentukan kawasan pertuturan yang dipertuturkan oleh informan berdasarkan data-data yang telah dikutip di lapangan. Data yang menunjukkan banyak persamaan dari sudut perkataan menunjukkan dialek-dialek itu menggunakan perkataan yang sama untuk merujuk perkara yang sama. Sementara itu, data yang menunjukkan perbezaan pula menunjukkan sesuatu dialek itu berbeza dengan dialek yang lain.

Bagi menghuraikan persamaan dan perbezaan dialek-dialek Jakun, kajian ini menggunakan 684 patah perkataan bahasa Melayu Purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992). Dalam membincangkan proses fonologi sesuatu bahasa atau dialek secara diakronik, sesuatu kajian itu perlulah mempunyai bahasa yang lebih tua daripada bahasa atau dialek semasa yang sedang dikaji. Hal ini disebabkan bahasa yang lebih tua akan menjadi bahasa asas atau struktur dalaman bagi menghuraikan proses fonologi bahasa atau dialek semasa tersebut. Penggunaan bahasa yang lebih tua sebagai struktur dalaman akan memperlihatkan sifat retensi (pengekalan) dan perubahan proses-proses fonologi yang berlaku dalam bahasa atau dialek semasa. Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu purba dijadikan sebagai struktur dalaman bagi membandingkan dialek-dialek Jakun. Justifikasi bahasa Melayu purba ini dijadikan struktur dalaman bagi kajian ini adalah disebabkan bahasa Melayu Purba ini merupakan bahasa yang lebih tua daripada bahasa Jakun. Selain itu, bahasa Jakun ini juga merupakan salah satu bahasa yang berasal daripada cabang bahasa Melayu Purba seperti bahasa Melayu standard, bahasa Minangkabau, bahasa Banjar, bahasa Jawa dan banyak lagi. Hasilnya, kajian ini bukan sahaja dapat melihat proses fonologi bahasa Jakun (dialek-dialek Jakun), malah kajian ini dapat melihat sifat retensi atau perubahan yang berlaku dalam dialek-dialek Jakun tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Pertama sekali, kajian ini telah meneliti kajian yang dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1966) dalam buku yang bertajuk *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Buku yang ditulis oleh mereka berdua ini terdiri daripada dua siri, iaitu *Volume One* dan *Volume Two*. Kajian yang dilakukan ini melibatkan kajian terhadap Orang Asli yang tinggal di Semenanjung Malaysia seperti Orang Asli daripada suku kaum Jakun, Sakai, Semang dan banyak lagi. Terdapat empat aspek utama yang dikaji dalam kajian tersebut, iaitu aspek keturunan, adab dan adat, agama dan bahasa. Salah satu perkara yang menarik dari sudut bahasa Jakun yang dinyatakan dalam kajian itu ialah wujudnya dua buah dialek dalam bahasa Jakun. Skeat dan Blagden (1966: 386) telah membandingkan dua buah dialek Jakun yang dikenali sebagai dialek Jakun (1) dan dialek Jakun (2). Jadual 2 menunjukkan perbandingan perkataan yang telah dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1966: 386):

Jadual 2 Perbandingan antara dialek Jakun (1) dan Jakun (2)

<i>Words</i>	<i>Jakun (1)</i>	<i>Jakun (2)</i>
<i>ant</i>	pha'	mĕret
<i>bird</i>	săbu	burong
<i>child</i>	chaái	enek
<i>day</i>	sĕri	hari
<i>egg</i>		kĕpoh
<i>buntat</i>		
<i>fish</i>	răyap	ikan
<i>hand</i>	răwet	tangan
<i>snake</i>	lilih	ular
<i>thunder</i>	abū	gĕrentah
<i>tooth</i>	chĕráh	gigi
<i>water</i>	par	ayer

Sumber: Diubah suai daripada Skeat dan Blagden (1966: 386)

Walaupun jumlah perkataan yang dibandingkan antara dua buah dialek itu tidak banyak (hanya 11), tetapi jelas kelihatan bahawa dialek Jakun (2) lebih ke arah menggunakan atau meminjam bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan dengan perkataan seperti *burong*, *hari*, *ikan*, *tangan*, *ular*,

gigi, dan *ayer* yang terdapat dalam dialek Jakun (2). Hal ini berbeza dengan perkataan-perkataan yang terdapat dalam dialek Jakun (1) yang agak berbeza dengan bahasa Melayu.

Di samping itu, Skeat dan Blagden (1966) juga telah membuat perbandingan antara bahasa Kenaboi, Beduanda, Jakun Melaka dan Jakun Johor. Perbandingan yang dilakukan ini menunjukkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam bahasa Beduanda hampir keseluruhannya sama dengan bahasa Jakun Melaka dan bahasa Jakun Johor. Hanya bahasa Kenaboi sahaja yang agak berbeza dengan ketiga-tiga bahasa tersebut. Jadual 3 menunjukkan perbandingan yang telah dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1966: 408-409):

Jadual 3 Perbandingan perkataan bahasa Kenaboi, Beduanda, Jakun Melaka dan Jakun Johor

Words	Kenaboi	Beduanda	Malacca Jakun	Johor Jakun
<i>cold</i>	sédék	...	sedek, siap	sédék
<i>come here</i>	inta', māchan	chian	kiani	kiah, kian
<i>dog</i>	āmun, kētōk	amun	koyok	koyok, menchor
<i>elephant</i>	gěntūl	gěntäl	gantir, bringkil	segantū
<i>go away</i>	songsang	chiun	kiuh	kiyun
<i>hand</i>	rāwet	kōkót	kokot	kuko'
<i>finger</i>	rāwet	kokón	kukat	...
<i>nail</i>	risik	kokåt
<i>monkey</i>	roit	bāgéh	bageh	...
<i>pig</i>	sérói	risim, tēbong, kētū	rēsam, jongkat	jōkōt
<i>porcupine</i>	...	puntū, joi	puntu, sonoi	sebuntu
<i>rainbow</i>	...	bēhota	...	bohuta, kawat
<i>spider</i>	tēwōwoh	tēwōwoh

Sumber: Skeat dan Blagden (1966: 408-409)

Asmah dan Samsur Rijal (2018) dalam kajian mereka *Malayic Aborigines of Malaysia: A Study in Subgrouping* juga telah menceritakan

serba sedikit perihal masyarakat Orang Asli Jakun ini. Secara umumnya, kajian mereka ini melibatkan enam suku kaum Orang Asli di Malaysia yang berada dalam kumpulan rumpun bahasa Austronesia. Enam suku kaum Orang Asli tersebut ialah Temuan, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar, Duano dan Urak Lawoi. Kajian ini berfokuskan kepada bahasa dan etnolinguistik keenam-enam suku kaum Orang Asli tersebut. Dari sudut bahasa, hasil kajian mereka ini menyatakan bahawa lima daripada enam suku kaum Orang Asli ini mempunyai hubungan dengan dialek Melayu, manakala baki satu suku kaum lagi, iaitu Duano yang berasal dari Sumatera tidak termasuk dalam kumpulan lima suku kaum tersebut yang mempunyai hubungan dengan dialek Melayu. Namun begitu, keenam-enam suku kaum Orang Asli tersebut masih tergolong dalam kelompok keluarga Melayu Proto (Asmah & Samsur Rijal, 2018: 456). Hal ini dibuktikan apabila kajian tersebut menggunakan senarai 100 kosa kata dasar Swadesh untuk membandingkan peratus kosa kata berkognat keenam-enam suku kaum tersebut dengan bahasa Melayu. Perbandingan dengan bahasa Melayu ini juga dilakukan untuk melihat hubungan linguistik sejarah antara enam suku kaum Orang Asli tersebut dengan bahasa Melayu. Hasil daripada perbandingan tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 4 Peratus berkognat bahasa Melayu dengan enam suku kaum Orang Asli

Temuan	96%
Jakun	92%
Kanak	91%
Urak Lawoi	90%
Seletar	86%
Duano	69%

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada (Asmah & Samsur Rijal, 2018: 462)

Berdasarkan Jadual 4, dapat dilihat bahawa lima kumpulan Orang Asli kecuali Duano berada dalam kumpulan dialek Melayu (Asmah & Samsur Rijal, 2018: 462). Hal ini menunjukkan suku kaum Orang Asli Jakun juga termasuk dalam kumpulan dialek Melayu berdasarkan peratusan kosa kata yang berkognat.

Melalui sorotan literatur ini juga, tinjauan terhadap kajian Orang Asli Jakun yang berfokuskan kepada bidang fonologi juga telah dilakukan. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Seidlitz (2005) yang bertajuk *A Study of Jakun Malay: Some Aspects of Its Phonology* (Kajian Dialek Melayu Jakun: Beberapa Aspek Fonologi). Kajian Seidlitz (2005) ini berfokuskan kepada Orang Asli Jakun yang tinggal di negeri Pahang. Seidlitz (2005) mengatakan hasil kajiannya terhadap Orang Asli Jakun di Pahang telah menghasilkan beberapa dapatan, seperti (1) bahasa Jakun sebenarnya tidak lain daripada salah satu dialek Melayu, (2) dialek Melayu Jakun memperlihatkan ciri-ciri khas yang membezakannya dengan dialek Melayu lain yang dituturkan oleh golongan etnik Melayu di daerah yang sama dan (3) walaupun tidak berapa jelas, terdapat sempadan subdialek dalam bahasa Jakun. Seidlitz (2005: 102) juga mengakui bahawa kekangan data yang hanya diperoleh daripada 12 perkampungan Orang Asli Jakun di Pahang tidak mencukupi untuk menggambarkan secara keseluruhan fonologi dialek Melayu Jakun ini. Beliau mengatakan bahawa kajian terhadap dialek Melayu Jakun ini perlu diperluaskan ke negeri Johor kerana menurut informan yang beliau temui terdapat perbezaan antara bahasa Jakun Pahang dengan bahasa Jakun Johor (Seidlitz, 2005: 102).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan kajian ini dari sudut penamaan dialek-dialek Jakun di Johor, inventori fonem dialek-dialek Jakun dan persamaan dan perbezaan dialek-dialek Jakun dari sudut kosa kata dan fonologi.

1. Penamaan Dialek-dialek Jakun di Johor


Orang Asli Jakun merupakan komuniti Orang Asli majoriti di negeri Johor yang menetap di daerah seperti Mersing, Kluang, Segamat dan Kota Tinggi. Hal ini dibuktikan dengan pemetaan awal yang telah dilakukan oleh Benjamin (2016) terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan pemetaan yang telah dilakukan oleh Benjamin itu, dapat dilihat bahawa masyarakat Orang Asli Jakun merupakan masyarakat Orang Asli yang paling ramai di negeri Johor (rujuk Peta 1).



Peta 1 Kawasan-kawasan Orang Asli di Malaysia
Sumber Dipetik dan diubah suai daripada Benjamin (2016: 9)

Hal ini dibuktikan dengan kajian lapangan yang telah dilakukan oleh kajian ini, iaitu masyarakat Orang Asli Jakun ini didapati tinggal di daerah Mersing (Kampung Sungai Tuba, Kampung Orang Asli Pengkalan Bukit, Tanah Abang) sehingga sempadan daerah Mersing dan Kluang, iaitu perkampungan Orang Asli Jakun di kawasan Kahang (Kampung Orang Asli Batu 26, Kampung Batu 25, Kampung Berasau, Peroh, Pucur, Tewowoh dan Kampung Orang Asli Peta). Masyarakat Orang Asli Jakun ini juga wujud di pertengahan daerah Kluang (Kampung Sri Tanjung, Kuala Sengka, Kampung Air Pasir, Sedohok, Kampung Tereh dan Kampung Tanah Runtuh) sehingga sempadan di daerah Kota Tinggi (Kampung Sayong Pinang) dan Segamat (Pekan Bekok, Kampung Kudong dan Kampung Seri Tembayan).

Masyarakat Orang Asli Jakun yang ramai di negeri Johor ini menyebabkan wujudnya dialek-dialek bahasa Jakun yang terpecah mengikut kawasan. Justeru, berdasarkan pemerhatian awal yang telah dilakukan, kajian ini telah membahagikan dialek-dialek Jakun ini kepada dua buah dialek Jakun yang utama, iaitu Dialek Jakun Johor Barat dan Dialek Jakun Johor Timur. Kedua-dua buah dialek Jakun ini dinamakan disebabkan kedudukan geografi penutur-penutur dialek Jakun tersebut. Peta 2 menunjukkan pembahagian kedua-dua dialek Jakun ini mengikut kawasan di Johor.



Peta 2 Kawasan pertuturan Dialek Jakun Johor Barat dan
Dialek Jakun Johor Timur

Sumber Dipetik dan diubah suai daripada GoogleMaps.com

Berdasarkan Peta 2 tersebut, masyarakat Orang Asli Jakun ini terdapat di empat daerah di Johor dan boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Dialek Jakun Johor Barat (garisan berwarna merah) dan Dialek Jakun Johor Timur (garisan berwarna hitam). Pembahagian nama bagi kedua-dua buah dialek ini dilakukan berdasarkan kedudukan geografi dan bukannya dinamakan oleh masyarakat Orang Asli Jakun di Johor. Masyarakat Orang Asli Jakun di Johor tidak menamakan dialek-dialek Jakun tersebut, namun mereka sedar bahawa terdapat perbezaan pertuturan

antara masyarakat Orang Asli Jakun di sesuatu kawasan dengan kawasan yang lain. Hal ini dapat dibuktikan lagi menerusi perbandingan data kosa kata bagi kedua-dua dialek Jakun tersebut yang dilakukan dalam kajian ini. Sebagai contoh, kedua-dua buah dialek yang terdapat dalam bahasa Jakun ini mempunyai sistem fonem yang sama. Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan dari sudut contoh perkataan walaupun kedua-dua buah dialek tersebut berkongsi sistem fonem yang sama. Perbezaan yang berlaku ini disebabkan walaupun perkataan tersebut mempunyai makna yang sama, namun terdapat perbezaan bunyi disebabkan penggunaan fonem yang berbeza dalam perkataan tersebut. Sebagai contoh, bagi perkataan /anak/, Dialek Jakun Johor Barat menyebutnya sebagai [ana?], manakala Dialek Jakun Johor Timur menyebutnya sebagai [ano?]. Berdasarkan contoh tersebut, walaupun maksud /anak/ sama bagi kedua-dua dialek tersebut, tetapi terdapat perbezaan bunyi disebabkan kehadiran vokal [ə] dalam Dialek Jakun 1 yang menggantikan vokal [a] dalam Dialek Jakun 2. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan dengan lebih lanjut persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua buah dialek Jakun ini.

2. Persamaan dan Perbezaan antara Dialek Jakun Johor Timur dengan Dialek Jakun Johor Barat dari Sudut Inventori Fonem, Kosa Kata dan Fonologi

Berdasarkan contoh-contoh perkataan yang dikemukakan tersebut, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara Dialek Jakun Johor Timur dengan Dialek Jakun Johor Barat. Berikut merupakan aspek-aspek persamaan dan perbezaan yang dapat dilihat:

i. Inventori fonem-fonem

Berdasarkan data yang telah diperoleh, kajian ini berjaya mengenal pasti inventori fonem dialek-dialek Jakun yang terbahagi kepada fonem vokal, konsonan dan diftong. Dialek Jakun Johor Barat dan Dialek Jakun Johor Timur berkongsi inventori fonem yang sama seperti berikut:

a) Fonem Vokal

Fonem vokal dialek-dialek Jakun terdiri daripada lapan jenis vokal, iaitu vokal depan [i, e, ε, a], vokal tengah [ə] dan vokal belakang [u, o, ɔ].

b) Fonem Konsonan

Dialek-dialek Jakun juga mempunyai 19 buah konsonan, iaitu konsonan [p, b, t, d, k, g, ?, č, ġ, m, n, ɳ, ɲ, s, h, l, r, w, y]. Kesemua konsonan tersebut tersebar di lingkungan yang tertentu seperti di awal, tengah dan akhir kata. Namun begitu, konsonan hentian glotis [?] tidak bersifat struktur dalam, iaitu bermaksud konsonan hentian glotis ini hanya akan hadir di struktur permukaan sahaja.

c) Fonem Diftong

Akhir sekali, terdapat tiga jenis bunyi diftong dalam dialek-dialek Jakun, iaitu diftong [ay], [aw] dan [oy].

ii. Aspek Persamaan

a) Kosa Kata

Berdasarkan data yang diperoleh, tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua buah dialek Jakun tersebut mempunyai banyak perkataan yang sama dan membawa maksud yang sama juga. Hal ini bukanlah sesuatu yang janggal kerana kedua-dua buah dialek Jakun tersebut tergolong dalam satu bahasa yang sama. Oleh itu, persamaan perkataan dan makna dalam kedua-dua buah dialek Jakun tersebut membuktikan bahawa dialek-dialek tersebut berasal daripada bahasa Jakun. Jadual 5 menunjukkan contoh-contoh perkataan dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat yang menunjukkan persamaan dari sudut bentuk perkataan dan makna.

Jadual 5 Persamaan perkataan dan makna

Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat	Makna
[səloy]	[səloy]	penat atau lemah
[hayam]	[hayam]	ayam
[keneʔ?]	[kenəʔ?]	kanak-kanak
[čečet]	[čečet]	cicit
[kətuhaʔ?]	[kətuhaʔ?]	ketua
[səmpet]	[səmpet]	sempit
[beweh]	[beweh]	bawah
[məniraʔ?]	[məniraʔ?]	bendera
[bəhiraʔ?]	[bəhiraʔ?]	berak

[bəkəresəh]	[bəkəresəh]	bistik
[səmet]	[səmet]	sedikit
[ʃaŋɔn]	[ʃaŋɔn]	jangan
[kəcət]	[kəcət]	kecut
[mirah]	[mirah]	merah
[rutan]	[rutan]	rotan
[buŋsu?]	[buŋsu?]	bongsu
[čəkit]	[čəkit]	cubit
[bihuŋ]	[bihuŋ]	katak
[təwōwōh]	[təwōwōh]	labah-labah
[meles]	[meles]	malas
[uraŋ]	[uraŋ]	orang
[nini?]	[nini?]	neneh
[rə?aŋ]	[rə?aŋ]	rahang (bahagian gigi)

b) Fonologi

Menurut Adelaar (1992: 41), vokal *a yang wujud di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba akan menjadi dua bentuk, iaitu menerima kehadiran hentian glotis [?] dan tanpa kehadiran hentian glotis seperti dalam perkataan *[apa], *[mata] dan *[tuha?]. Situasi ini sedikit berbeza dengan Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat apabila kebanyakan perkataan daripada kedua-dua buah dialek Jakun tersebut yang mempunyai vokal [a] di suku kata akhir akan menerima hentian glotis. Lihat contoh-contoh perkataan dalam Jadual di bawah terlebih dahulu:

Jadual 6 Kewujudan vokal [a] di suku kata akhir dalam bahasa Melayu purba, Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat

Bahasa Melayu Purba	Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat	Maksud
*[apa]	[apa?]	[apa?]	apa
*[mata]	[mata?]	[mata?]	mata
*[tuha?]	[tuha?]	[tuha?]	tua

Berdasarkan Jadual 6 di atas, Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat mempunyai rumus yang sama tetapi berbeza sedikit

dengan bahasa Melayu purba. Dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat, hentian glotis akan hadir apabila vokal [a] berada di posisi suku kata akhir dalam sesuatu perkataan. Dalam isu ini, walaupun dapat dilihat bahawa bahasa Melayu purba tidak konsisten dari sudut kehadiran hentian glotis selepas vokal *a ini, namun terdapat input yang menarik di sini apabila terdapat perkataan dalam bahasa Melayu purba yang mengalami sifat retensi dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat seperti dalam perkataan *[tuha?]. Perkataan tersebut digunakan sehingga kini oleh penutur Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat. Hal ini juga berbeza dengan bahasa Melayu standard sekarang yang mengalami perubahan apabila hentian glotis sudah tidak ada dalam perkataan /tua/.

Selain itu, Adelaar (1992: 46) menggunakan istilah '*penultimate*' yang memberi maksud kewujudan sesuatu vokal itu di posisi suku kata kedua akhir dalam sesuatu perkataan. Dalam konteks ini, vokal tinggi *i dalam bahasa Melayu purba wujud di posisi suku kata kedua akhir dalam perkataan seperti *[lihər], *[nini?], *[bini], *[kirim], *[čičit], *[liba], *[hidup], *[gigi] dan *[gigit]. Yang berikut merupakan jadual perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba dengan Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] di posisi suku kata kedua akhir:

Jadual 7 Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] di suku kata kedua akhir

Bahasa Melayu Purba	Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat	Maksud
*[nini?]	[nini?]	[nini?]	neneh
*[bini]	[bini?]	[bini?]	bini
*[hidup]	[hidup]	[hidup]	hidup
*[gigit]	[gigit]	[gigit]	gigit
*[gigi]	[gigi?]	[gigi?]	gigi
*[liba]	[liba]	[liba]	lebar
*[čičit]	[čečet]	[čečet]	cicit

Berdasarkan Jadual 7 di atas, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa perkataan dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat yang mengekalkan rumus fonologi bahasa Melayu purba dari sudut kewujudan vokal tinggi [i] di suku kata kedua akhir. Hal ini boleh dilihat dalam perkataan [nini?], [bini?], [hidup], [gigit], [gigi?] dan [liba]. Contoh-contoh perkataan tersebut menunjukkan sifat retensi dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat yang mengekalkan perkataan dan fonologi bahasa Melayu purba. Dalam konteks kewujudan vokal tinggi [i] di suku kata kedua akhir ini, tidak ada perbezaan bunyi atau rumus antara Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat. Kedua-dua buah dialek Jakun tersebut mengekalkan perkataan dan bunyi bahasa Melayu purba dan jika terdapat perubahan bunyi dengan bahasa Melayu purba, kedua-duanya mengalami perubahan yang sama.

Di samping itu, pengguguran /r/ dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat berlaku apabila konsonan /r/ berada di akhir kata. Sebelum menjelaskan pengguguran konsonan /r/ ini, kajian ini akan menerangkan terlebih dahulu kewujudan konsonan *r di akhir kata dalam bahasa Melayu purba. Kewujudan konsonan *r di akhir kata dalam bahasa Melayu purba ini perlu dijelaskan terlebih dahulu supaya dapat melihat perubahan yang berlaku dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat. Menurut Adelaar (1992: 91-92), bahasa Melayu purba mempunyai konsonan *r di akhir kata seperti dalam perkataan *air, *tidur, *ikur, *libar dan banyak lagi. Hal ini menunjukkan bahasa Melayu purba tidak mengalami proses pengguguran konsonan *r di akhir kata. Namun, disebabkan perubahan masa, Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat telah mengalami proses pengguguran konsonan /r/ di akhir kata bagi perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu purba. Dalam konteks ini, Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat mengalami proses fonologi yang sama, iaitu pengguguran konsonan /r/ di akhir kata. Yang berikut merupakan senarai perkataan dalam bahasa Melayu purba yang tidak mengalami pengguguran konsonan *r dan perkataan dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat yang telah mengalami pengguguran konsonan /r/ di akhir kata:

Jadual 8 Senarai perkataan dalam bahasa Melayu purba yang tidak mengalami pengguguran konsonan *r di akhir kata dan perbandingannya dengan Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat

Bahasa Melayu Purba	Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat	Maksud
*[tidur]	[tidu]	[tidu]	tidur
*[ikur]	[iku]	[iku]	ekor
*[libar]	[liba]	[liba]	lebar
*[air]	[ayi]	[ayi]	air

Berdasarkan Jadual di atas, semua perkataan dalam bahasa Melayu purba yang mempunyai konsonan *r di akhir kata akan gugur dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat.

iii. Aspek Perbezaan

a) Kosa kata

Data daripada kajian lapangan juga menunjukkan terdapat beberapa perkataan yang berbeza antara kedua-dua buah dialek Jakun tersebut tetapi mempunyai makna yang sama. Situasi perbezaan perkataan tetapi sama makna ini sememangnya berlaku dalam dialek-dialek sesuatu bahasa. Yang berikut merupakan contoh-contoh perkataan dalam Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat yang menunjukkan perbezaan perkataan tetapi sama makna:

Jadual 9 Perbezaan perkataan tetapi sama makna

Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat	Makna
[tunu?]	[baka]	bakar
[təkeŋ]	[bənči?]	benci
[biyawā?]	[gəriyan]	biawak
[mənutoh]	[mənčantas]	mencantas
[bəčələh]	[mənčəlop]	mencelup
[sənɔp]	[ləsɔ?]	senyap
[halaw]	[iŋa]	halau
[bəlah]	[mənčəŋkah]	mengopek

[bərikan]	[nəlayan]	nelayan
[titi?]	[pukol]	pukul
[kəmarep]	[raŋup]	rangup
[useł]	[məsel]	rindu
[bəgisi?]	[səntuh]	sentuh
[rejet]	[bakul]	bakul
[bətəmoy]	[bəbuwal]	berbual
[pəmohon]	[pəŋekel]	bohong
[čəkat]	[dahaga?]	dahaga
[buway]	[ŋadu]	mendodoi
[pənəkinj]	[garan]	garang
[bəkukut]	[məŋgaru?]	menggaru
[rimaw]	[məŋkoŋ]	harimau
[nun]	[itu?]	Itu
[babel]	[nakal]	nakal
[kəliyat]	[pulas]	pulas
[bəhəmbu?]	[məŋala?]	menyalak
[sədut]	[əŋsep]	sedut
[siput]	[kələmbay]	siput
[bah]	[abaŋ]	abang
[səkə?]	[arwah]	arwah
[tuhu?]	[bəniŋ]	baling
[bisiŋ]	[məʔina]	bising
[bərintay]	[bəburu?]	memburu
[kələtəh]	[ʃənti?]	jentik
[suka?]	[kəməh]	seronok atau suka
[kubu]	[pəndam]	kubur
[məpas]	[ŋa.il]	memancing
[bəlah]	[məbantai]	melapah

Berdasarkan Jadual 9, terdapat beberapa perkataan yang berbeza yang mempunyai maksud yang sama antara Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat. Perbezaan perkataan tetapi sama makna ini dalam isitilah lain merujuk perkataan yang bersifat sinonim. Perbezaan perkataan inilah yang menunjukkan kepada kita bahawa dalam bahasa Jakun mempunyai dialek-dialeknya yang tersendiri.

b) Fonologi

Bagi memperlihatkan perbezaan fonologi antara Dialek Jakun Johor Timur dengan Dialek Jakun Johor Barat, lihat contoh-contoh perkataan dalam Jadual 7 di bawah terlebih dahulu:

Jadual 10: Perbandingan perkataan antara bahasa Melayu purba, Dialek Jakun Johor Timur dengan Dialek Jakun Johor Barat dari sudut kewujudan vokal [a] sebelum konsonan akhir

Bahasa Melayu Purba	Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat	Maksud
*[anaʔ]	[anoʔ]	[anaʔ]	anak
*[əmaʔ]	[məʔ]	[maʔ]	emak
*[tanah]	[tanh]	[tanah]	tanah
*[buŋaʔ]	[buŋɔʔ]	[buŋaʔ]	bunga
*[tanjan]	[taŋɔn]	[tanjan]	tangan

Jadual 10 menunjukkan kewujudan vokal [a] sebelum konsonan akhir dalam Dialek Jakun Johor Barat sama seperti dalam bahasa Melayu purba. Hal ini bermaksud rumus fonologi Dialek Jakun Johor Barat dan bahasa Melayu purba sama dari sudut kewujudan vokal [a] sebelum konsonan akhir dalam sesuatu perkataan. Namun begitu, situasi ini berbeza dalam Dialek Jakun Johor Timur apabila vokal [a] tidak wujud sebelum konsonan akhir dan digantikan dengan vokal [ɔ]. Hal ini menyebabkan terdapat perbezaan rumus antara Dialek Jakun Johor Timur dengan Dialek Jakun Johor Barat dan bahasa Melayu purba.

Dalam contoh perkataan yang lain, fenomena penaikan vokal pula tidak berlaku dalam Dialek Jakun Johor Timur, sebaliknya berlaku dalam Dialek Jakun Johor Barat. Contohnya dalam perkataan [tampal] Dialek Jakun Johor Timur menjadi [tempel] dalam Dialek Jakun Johor Barat. Pembelakangan vokal dan penaikan vokal sememangnya berlaku dalam kedua-dua buah dialek Jakun tersebut namun dalam situasi yang berbeza, iaitu pembelakangan vokal hanya berlaku dalam Dialek Jakun Johor Timur dan penaikan vokal pula hanya berlaku dalam Dialek Jakun Johor Barat. Jadual 11 yang berikut menunjukkan contoh-contoh perkataan yang mengalami penaikan vokal dalam Dialek Jakun Johor Barat.

Jadual 11 Contoh-contoh perkataan Dialek Jakun Johor Barat yang mengalami penaikan vokal daripada vokal /a/ kepada vokal /e/ dan berbeza dengan Dialek Jakun Johor Timur

Dialek Jakun Johor Timur	Dialek Jakun Johor Barat
[tempel]	[tampal]
[seyeq]	[sayaq]
[mesem]	[masəm]
[sədep]	[sədap]
[bəŋke?]	[bəŋka?]

PERBINCANGAN

Bahasa Melayu purba menjadi struktur dalam dalam kajian ini kerana bahasa Melayu purba merupakan bahasa yang lebih tua daripada bahasa Jakun. Berdasarkanuraianfonologiyangtelahdilakukan,terdapatduaaspekutama yang dapat dilihat, iaitu sifat retensi dan perubahan proses fonologi. Dua buah dialek Jakun tersebut mempunyai sifat retensi daripada bahasa Melayu purba kerana banyak perkataan dan proses fonologi bahasa Melayu purba yang sama dengan Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat. Hal ini membuktikan bahasa Jakun (Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat) tidak meminjam perkataan-perkataan daripada bahasa Melayu purba, sebaliknya bahasa Jakun merupakan salah satu cabang bahasa daripada bahasa Melayu purba. Selain itu, disebabkan perubahan masa, terdapat juga proses fonologi dalam kedua-dua buah dialek Jakun tersebut yang berubah dan berbeza sedikit dengan bahasa Melayu purba. Proses fonologi yang diuraikan dalam kajian ini juga memperlihatkan terdapat proses fonologi yang dikongsi bersama oleh kedua-dua buah dialek Jakun itu dan terdapat juga proses fonologi yang berbeza.

Kajian yang telah dilakukan terhadap dua buah dialek Jakun ini telah menghasilkan beberapa penemuan baharu. Antara penemuan baharu yang diperoleh daripada kajian ini adalah kewujudan dua buah dialek Jakun di negeri Johor. Sebelum ini kewujudan dua buah dialek Jakun tersebut hanya disedari oleh masyarakat Orang Asli Jakun di negeri Johor sahaja dan tidak disedari oleh masyarakat luar. Masyarakat Orang Asli Jakun di negeri Johor ini sedar bahawa terdapat perbezaan pertuturan bahasa Jakun

mengikut kawasan yang telah menghasilkan dua buah dialek Jakun. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Dialek Jakun Johor Timur dituturkan di daerah Mersing (Kampung Sungai Tuba, Kampung Orang Asli Pengkalan Bukit, Tanah Abang) sehingga sempadan daerah Mersing dan Kluang, iaitu perkampungan Orang Asli Jakun di kawasan Kahang (Kampung Orang Asli Batu 26, Kampung Batu 25, Kampung Berasau, Peroh, Pucur, Tewowoh dan Kampung Orang Asli Peta). Dialek Jakun Johor Barat pula dituturkan di pertengahan daerah Kluang (Kampung Sri Tanjung, Kuala Sengka, Kampung Air Pasir, Sedohok, Kampung Tereh dan Kampung Tanah Runtuh) sehingga di daerah Kota Tinggi (Kampung Sayong Pinang) dan Segamat (Pekan Bekok, Kampung Kudong dan Kampung Seri Tembayan). Hasilnya, dapat dirumuskan bahawa kewujudan dua buah dialek Jakun ini disebabkan terdapat perbezaan perkataan yang digunakan dan perbezaan dari sudut fonologi. Kenyataan ini boleh dianggap benar kerana sekiranya bahasa Jakun di Johor hanya mempunyai satu dialek sahaja, sudah pastilah tidak ada perkataan yang berbeza dan proses fonologinya juga seragam dan tidak ada langsung perbezaan.

Selain itu, penemuan baharu dalam kajian ini adalah terdapat kenyataan sebelum ini yang mengatakan bahasa Jakun (Dialek Jakun Johor Timur dan Dialek Jakun Johor Barat) sudah hilang sifat keasliannya dan meminjam kosa kata bahasa Melayu sahaja adalah tidak benar. Sebagai contoh, Carey (1976: 224) mengatakan bahawa Orang Asli Jakun kini hanya menuturkan bahasa Melayu, iaitu daripada senarai 300 buah perkataan yang dikutip di perkampungan Orang Asli Jakun di Sungai Endau, Johor, hanya dua buah perkataan daripada 300 buah perkataan itu berbeza dengan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini menolak dakwaan Carey (1976) itu dan menganggap bahasa Jakun ini bukan meminjam bahasa Melayu tetapi bahasa Jakun ini merupakan salah satu cabang daripada bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba. Taraf bahasa Jakun ini sama seperti bahasa Melayu standard, Minangkabau, Banjar dan banyak lagi yang berada di bawah satu bahasa yang lebih tua, iaitu bahasa Melayu purba. Buktinya, kebanyakan kosa kata bahasa Melayu purba yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992) hampir sama dengan bahasa Jakun. Bukan itu sahaja, proses fonologi yang telah dihuraikan sebelum ini memperlihatkan juga banyak persamaan proses fonologi antara bahasa Melayu purba dengan bahasa Jakun. Bahasa Jakun

juga mengekalkan banyak perkataan bahasa Melayu purba yang sekali gus menunjukkan bahasa Jakun ini mempunyai sifat retensi yang tinggi dalam mengekalkan bentuk bahasa purba. Tidak dinafikan, disebabkan peredaran masa, terdapat juga perubahan yang berlaku yang menyebabkan perbezaan sedikit antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, namun perubahan ini lebih sedikit jika hendak dibandingkan dengan perubahan yang berlaku dalam bahasa Melayu standard. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa bahasa Jakun tidak meminjam kosa kata bahasa Melayu standard, sebaliknya bahasa Jakun dan bahasa Melayu standard ialah dua buah bahasa yang berada di bawah cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba.

KESIMPULAN

Sistem fonem merupakan kerangka asas bagi memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua buah dialek Jakun tersebut. Persamaan dan perbezaan boleh dilihat dari sudut perkataan, makna dan bunyi. Hasil daripada perbandingan ini membuktikan bahawa bahasa Jakun mempunyai pecahan dialek mengikut kawasan di negeri Johor. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, antara cadangan kajian yang mungkin boleh dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa pada masa akan datang adalah mengkaji bahasa Jakun yang dituturkan oleh Orang Asli Jakun di Pahang dan mengenal pasti sama ada bahasa Jakun di Pahang juga mempunyai dialek-dialek yang berbeza mengikut kawasan atau tidak. Selepas proses pengenalpastian itu dilakukan, pengkaji-pengkaji bahasa boleh membandingkan dua buah dialek Jakun Johor dengan bahasa Jakun Pahang (mungkin wujud dialek-dialek yang berbeza di Pahang). Kajian ini tidak membandingkan dua buah dialek Jakun Johor dengan bahasa Jakun Pahang disebabkan kajian ini hanya ingin membuktikan kewujudan dua buah dialek Jakun di negeri Johor sahaja. Oleh itu, perbandingan antara bahasa Jakun Johor dan bahasa Jakun Pahang boleh dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa pada masa akan datang daripada pelbagai aspek seperti perbandingan kosa kata, proses fonologi, sintaksis dan banyak lagi. Hasilnya, data bahasa Jakun ini akan semakin bertambah dan dapat disimpan lagi menghadapi kemungkinan bahawa bahasa Jakun ini akan pupus.

Selain itu, pengkaji-pengkaji bahasa pada masa akan datang juga boleh melakukan kajian dengan membandingkan bahasa Jakun ini dengan bahasa-bahasa Orang Asli yang lain yang terdapat di Malaysia. Umum mengetahui bahawa Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kumpulan yang utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Oleh itu, pengkaji-pengkaji bahasa pada masa akan datang boleh membandingkan bahasa Jakun ini dengan bahasa-bahasa Orang Asli dalam kumpulannya sendiri atau dengan bahasa-bahasa Orang Asli yang bukan dalam kumpulannya. Perbandingan ini bukan sahaja ingin melihat ciri-ciri persamaan atau perbezaan antara bahasa Jakun dengan bahasa-bahasa Orang Asli yang lain sahaja, malah hasil perbandingan tersebut akan memperbanyakkan data-data bahasa peribumi ini sekali gus proses merekonstruksi bahasa purba akan menjadi lebih mudah dan berkualiti kerana data perbandingan yang semakin bertambah. Selain itu, apabila data bahasa-bahasa peribumi ini dikutip, kelestarian bahasa dapat diwujudkan dan kepupusan bahasa dapat dielakkan.

Akhir sekali, hasil kajian ini diharapkan mampu memberi sumbangan kepada bidang bahasa, terutama bahasa Orang Asli bagi memastikan kelestarian bahasa Orang Asli.

RUJUKAN

- Adelaar, K. Alexander. (1992). *Proto Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistic, RSPAS The Australian National University.
- Amran Kasimin. (1991). *Religion and social change among the indigenous people of the Malay Peninsula*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar & Samsur Rijal Yahaya. (2018). Malayic aborigines of Malaysia: A study in subgrouping. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 5(3), 452-465.
- Benjamin, G. & Cynthia C. (2003). *Tribal communities in the Malay World: Historical, cultural, and social perspectives*. International Institute for Asian Studies.
- Benjamin, G. (2016). *Why you should study Aslian Languages*. Center for Liberal Arts and Social Sciences Nanyang Technological University.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsula Malaysia*. Oxford University Press.

- Logan, J. R. (1847). The Orang Binua of Johore. *Journal of The Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1, 242-293.
- Maeda, Narifumi Tachimoto. 2001. (Editor) A. Baer. *The Orang Hulu: A Report on Malaysian Orang Asli in the 1960's*. Center For Orang Asli Concers.
- Noone, H. D. (1939). Notes on the Benua Jakun Language, Spoken at Sungai Lenga, Ulu Muar, Johore. *Journal of the Federated Malay States Museums*, XV, 139-156.
- Séguy, J. (1973). Les Atlas linguistiques de la France par régions. *Langue française*, 18, 65-90.
- Seidlitz, E. W. (2005). *A study of Jakun Malay: Some aspects of its phonology*. Tesis Sarjana Persuratan (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan Races of The Malay Peninsula, Volume Two: Chapter 1-2*. Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan Races of The Malay Peninsula, Volume Two: Chapter 3*. Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan Races of The Malay Peninsula, Volume One: Chapter 1-7*. Frank Cass & Co. Ltd.